

Metropolis Kesihatan Sarawak

by Adib Othman. Posted on January 8, 2011, Saturday

Sesuai dibangun di Kota Samarahan yang miliki banyak kemudahan

KUCHING: Metropolis Kesihatan Sarawak mampu dibangun di Kota Samarahan kata Ketua Kajian Klinik Hospital Umum Sarawak (HUS) Prof Dr Sim Kui Hian.

Beliau yang juga merupakan Ketua Jabatan Kardiologi HUS mengemukakan cadangan tersebut ketika memberi taklimat kepada Setiausaha Persekutuan Datuk Md Yahaya Basimin yang melawat Pusat Jantung HUS semalam.

“Metropolis Kesihatan Sarawak mampu dibina di kawasan Samarahan memandangkan kita mempunyai Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk membangunkan modal insan.

“Dalam kawasan yang sama, kita mempunyai pusat perkhidmatan kesihatan dan pusat kajian dan kita juga mempunyai Zon Perindustrian Bebas Samajaya untuk menghasilkan produk-produk kesihatan.

“Selain itu, seluruh kawasan ini berhampiran dengan lapangan terbang untuk tujuan penghantaran,” jelas Dr Sim semalam.

Pada taklimat tersebut juga, beliau mencadangkan agar sebuah pusat pengajian ubat-ubatan tradisional Cina diwujudkan memandangkan negeri ini kaya dengan sumber biodiversiti.

Menurutnya, langkah ini perlu kerana Sarawak mempunyai sumber yang pelbagai tetapi ia tidak dibenarkan untuk dibawa keluar dari negeri ini untuk tujuan penyelidikan.

“Kita mempunyai ‘ramuan’ yang betul dan memandangkan kita tidak boleh membawa bahan-bahan ini keluar dari negeri ini, kita perlukan pakar untuk dibawa ke negeri ini,” tambahnya.

Sementara itu, Yahaya ketika ditanya mengenai tujuan lawatan tersebut berkata ia adalah untuk meninjau salah satu projek kerajaan yang berjaya.

Menurutnya, negeri ini khasnya kawasan Samarahan berpotensi untuk dibangun sebagai pusat pelancongan kesihatan memandangkan kemudahan yang terdapat di Pusat Jantung HUS adalah antara yang terbaik di negara ini.

“Kalau dahulu, pelancongan kesihatan hanya dibangun di Semenanjung Malaysia, kini kita mampu melakukannya di Sarawak.

“Salah satu caranya adalah menjadikan Samarahan sebagai metropolis kesihatan seperti yang dicadangkan oleh Dr Sim,” katanya.

Menurut Yahaya Pusat Jantung HUS yang kini dikatakan setanding dengan atau mungkin lebih baik daripada Institut Jantung Negara (IJN) akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 16 Januari ini.

Hadir sama dalam lawatan semalam adalah Pengarah HUS Dr Abdul Rahim Abdullah.